

um (Timur) 14/10/14 (Selasa) m/s 25

## Expoconvo 2014 berjaya capai matlamat

KUANTAN 13 Okt. - Expoconvo 2014 sempena majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) kesembilan yang diadakan di kampus universiti itu di Gambang dan Pekan dekat sini, bermula Rabu lalu berjaya mencapai matlamat penganjurannya.

Penasihat Expoconvo 2014, Zahiruddin Mohd. Zain berkata, aktiviti yang dilaksanakan dalam program kerjasama UMP dengan Kumpulan Utusan yang berakhir semalam berjaya menepati temanya iaitu *Go Green, Go Healthy*.

"Apa yang paling penting adalah kita (UMP) berjaya melaksanakan aktiviti Expo-



convo 2014 kali ini bersesuaian dengan tema.

"Pembukaan Expoconvo 2014 dimulakan dengan penganjuran pertandingan dekorasi kek cawan dan menjahit, program senamrobik, kitar semula, pemeriksaan kesihatan dan kempen derma darah.

"Semuanya menekan aspek mesra alam sekitar yang bukan sahaja baik untuk kesihatan dan persekitaran tetapi cantik apabila dipandang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Katanya, pada majlis itu juga, murid sekolah rendah turut terlibat dalam program berimpak tinggi iaitu memasukkan impian

mereka yang ditulis di atas kertas di dalam botol-botol terpakai.

Jelasnya, botol-botol itu kemudiannya diletakkan ke dalam sebuah kontena yang disediakan.

"Penggunaan botol dan kertas terpakai itu adalah salah satu usaha untuk mempuuk mereka menyertai kempen kitar semula dalam usaha menjaga alam sekitar," jelasnya.

Selain itu, sempena Expoconvo 2014, turut diadakan pertandingan mewarna, peragaan pakaian kanak-kanak, kembara bermotor UMP, pertandingan inovasi, forum *Save Gaza* dan forum wanita muslimah bertajuk *Cantiknya Dirimu Wahai Muslimah Solehah*.

Sebanyak 84 gerai jualan dan pameran turut disediakan penganjur sempena Expoconvo 2014.